

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1985/86

HHA 101 - Pengantar Seni Halus

Tarikh: 14 April 1986

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tgh.  
(3 jam)

---

Jawab TIGA(3) soalan sahaja.

Sila tuliskan jawapan anda dengan ringkas, tepat dan jelas.

1. Sila analisis dengan ringkas kedua-dua karya seni yang tergambar dalam slaid yang ditayangkan satu persatu. Berikan kefahaman anda tentang penggunaan elemen-elemen visual dan makna karya-karya itu. Tiap-tiap slaid akan ditayangkan selama Lima(5) minit sahaja. Jawapan untuk setiap karya tidak boleh melebihi satu(1) muka surat buku jawapan.
  
2. Daripada senarai istilah-istilah seni lukis yang berikut, sila pilih lima(5) dan jelaskan dengan ringkas kefahaman anda akan pengertiannya. Penjelasan bagi tiap-tiap istilah tidak boleh melebihi satu(1) muka surat buku jawapan:
  - (a) Ikonografi
  - (b) Stail
  - (c) Sensibiliti (Perasaan) Kritikan
  - (d) Chiaroscuro
  - (e) Teknik (dalam pengkaryaan seni)
  - (f) Prinsip Rekabentuk
  - (g) Kesepaduan/Panduan (sebagai satu prinsip rekabentuk)
  - (h) Lukisan Abstrak
  - (i) Lukisan Figuratif
  - (j) Lukisan Avant-Garde

.../2

3. Sila pilih satu(1) daripada soalan-soalan berikut dan tuliskan sebuah esei ringkas sebagai jawapan. Esei ini tidak boleh melebihi dua(2) muka surat buku jawapan.
- (a) Setiap bahantara dalam seni lukis dikatakan mempunyai batasan-batasan dan potensi dalam kegunaannya kepada si pelukis. Apakah yang dimaksudkan bila kita katakan bahawa seorang pelukis yang baik ialah seorang yang faham akan batasan-batasan dan potensi bahantara yang di-pergunakan?
  - (b) Kenapakah kita tidak boleh anggapkan sebagai muktamad (absolute) kefahaman dan rumusan yang kita buat tentang struktur seni?
  - (c) Pada pendapat anda, adakah kegiatan seni itu memerlukan masyarakat?
  - (d) Apakah masalah-masalah dalam mengesani sejarah seni menurut apa yang dikatakan sebagai perkembangan "aliran utama" atau "mainstream".